

Impak Pandemik Covid-19 Terhadap Kepimpinan Malaysia di Peringkat Serantau

The Impact of The Covid-19 Pandemic on Malaysian Leadership at the Regional Level

Nurul Aimi Razali¹, Muhamad Helmy Sabtu ^{①1}, Khairul Azman Mohamad Suhaimy¹, Chang Peng Kee² & Khairul Anuar Kamri¹

¹ Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
(^①Corresponding author: mhelmy_2211@yahoo.com)

² Pusat Kajian Media dan Komunikasi, Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Kajian ini menyelidik bagaimana pandemik COVID-19 memberi kesan kepada reputasi dan kepimpinan Malaysia di peringkat serantau melalui kajian terhadap beberapa aspek meliputi (i) model pengurusan pandemik, (ii) bantuan kemanusiaan, (iii) hubungan bilateral dengan negara-negara lain serta (iv) penglibatan Malaysia dalam COVAX Alliance. Dapatan kajian menunjukkan bahawa model pengurusan pandemik Malaysia boleh menjadi rujukan bagi negara-negara serantau dan kepimpinan Malaysia dalam bantuan kemanusiaan semasa pandemik berada pada tahap yang baik. Bagaimanapun, hubungan bilateral Malaysia dengan negara-negara kuasa besar dunia sepanjang pandemik COVID-19 meningkatkan risiko kebergantungan atau keterikatan Malaysia terhadap kuasa luar. Selain itu, penglibatan Malaysia dalam COVAX Alliance didapati tidak meningkatkan pengaruh kepimpinan Malaysia di peringkat serantau. Kajian ini menyumbang dalam pembangunan reputasi dan kepimpinan Malaysia sebagai sebuah negara yang kuat, maju dan berdaulat serta bertanggungjawab terhadap komuniti antarabangsa.

KATA KUNCI:

*Kepimpinan,
Malaysia,
Hubungan
Antarabangsa,
Serantau,
COVID-19*

Received: Aug 11, 2022

Accepted: Nov 21, 2022

Published May 31, 2023

ABSTRACT

This study examines how the COVID-19 pandemic has affected Malaysia's reputation and leadership at the regional level by reviewing several aspects including (1) the pandemic management model, (ii) humanitarian aids, (iii) bilateral relations with other countries and (iv) Malaysia's involvement in the COVAX Alliance. The findings of this study show that Malaysia's pandemic management model can be a reference for regional countries and Malaysia's leadership in humanitarian aids during the pandemic was at a good level. However, Malaysia's bilateral relations with the world superpowers throughout the pandemic increases the risk of Malaysia's binding dependence on foreign powers. In addition, Malaysia's involvement in the COVAX Alliance was found not to increase the influence of Malaysian leadership at the regional level. This study contributes to the development of Malaysia's reputation and leadership as a strong, developed and sovereign country who is responsible towards the international community.

KEYWORDS:

Leadership, Malaysia, International Relations, Regional, COVID-19

1.0 Pendahuluan

Pandemik COVID-19 mendatangkan pelbagai cabaran kepada semua negara di seluruh dunia. Usaha memerangi pandemik tidak akan berjaya tanpa kerjasama semua negara dalam usaha menangani krisis kesihatan dan ekonomi yang timbul. Pada masa yang sama, pandemik COVID-19 juga membuka peluang bagi negara meningkatkan kuasa lunak (*soft power*) di arena antarabangsa. Kajian ini mengkaji kesan pandemik COVID-19 terhadap pengaruh dan reputasi Malaysia di peringkat serantau. Kaedah kajian desktop adalah metod kajian yang diaplikasikan dengan merujuk kepada sumber daripada laman web rasmi kementerian, organisasi berkepentingan, badan pemikir, pusat penyelidikan dan laporan akhbar.

Kajian ini melihat bagaimana pandemik COVID-19 mengesani pengaruh kepimpinan Malaysia di peringkat serantau dengan mengkaji kejayaan model pengurusan pandemik Malaysia. Pelaksanaan perintah kawalan pergerakan dan intervensi ekonomi serta program vaksinasi Malaysia yang cekap membantu Malaysia membendung penularan wabak dengan berkesan dan mengurangkan impak negatif terhadap ekonomi negara. Penerimaan masuk rakyat Malaysia oleh pelbagai negara dan penilaian kredit yang baik oleh agensi penarafan kredit global semasa pandemik menunjukkan pengiktirafan antarabangsa terhadap kejayaan model pengurusan pandemik Malaysia.

Hasrat Malaysia untuk menjaga keselamatan dan kesejahteraan komuniti antarabangsa melalui cita-citanya menjadi hab pengeluar vaksin di rantau Asia Tenggara dan penghantaran bantuan kemanusiaan kepada negara-negara lain semasa pandemik boleh meningkatkan ketokohan Malaysia di rantau ini. Bagaimanapun, penyertaan Malaysia dalam COVAX Alliance tidak memberikan kesan positif kepada kepimpinan Malaysia kerana negara-negara berpendapatan rendah dan sederhana yang menyertai COVAX, termasuk Malaysia tidak mendapat jumlah vaksin yang dipersetujui dengan kadar segera. Kelemahan utama COVAX Alliance adalah tindakan negara-negara utama dalam kolaborasi tersebut yang melakukan inisiatif unilateral dengan pihak pengeluar vaksin COVID-19 serta masalah dana.

Selain itu, hubungan bilateral antara Malaysia dengan kuasa-kuasa besar dunia seperti Amerika Syarikat, China, United Kingdom dan Jepun sebelum dan semasa pandemik dikaji bagi melihat sejauh mana pandemik ini telah meningkatkan risiko kebergantungan atau keterikatan Malaysia dengan kuasa luar. Kajian mendapati Malaysia banyak mendapat sumbangan bekalan vaksin COVID-19 daripada negara-negara ini. Ekonomi Malaysia juga bergantung kepada pelaburan asing dan perdagangan dengan kuasa-kuasa besar dunia. Negara-negara ini juga masih menjadi destinasi pilihan pelajar Malaysia melanjutkan pengajian di peringkat tinggi walaupun semasa pandemik berlaku. China tetap aktif melakukan pencerobohan ke atas sempadan negara walaupun semasa pandemik tetapi Malaysia dilihat masih tidak mengambil tindakan yang tegas. Semua indikator ini menunjukkan peningkatan risiko kebergantungan dan keterikatan Malaysia terhadap kuasa luar.

Kesimpulannya, pandemik COVID-19 telah membuka peluang untuk Malaysia meningkatkan pengaruh dan reputasi di rantau Asia Tenggara tetapi ada juga beberapa cabaran yang memberikan kesan negatif kepada kepimpinan Malaysia di rantau ini. Malaysia boleh memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada keselamatan, kesihatan dan kemakmuran sejagat dengan meningkatkan keupayaan teknologi dan kemandirian ekonomi serta menjaga hubungan baik dengan negara-negara lain.

2.0 Kejayaan dan Reputasi Model Pengurusan Pandemik Malaysia

2.1 Pengurusan krisis kesihatan semasa pandemik COVID-19

Pihak kerajaan telah melakukan pelbagai usaha bagi mengekang penularan wabak COVID-19 melalui langkah-langkah pencegahan, pengesanan, pembendungan dan rawatan penyakit COVID-19. Kawalan di pintu sempadan antarabangsa diperketatkan dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dengan Prosedur Operasi Standard (SOP) telah dilaksanakan dalam pelbagai aktiviti ekonomi, pendidikan, sukan, sosial dan keagamaan di seluruh negara.

Jadual 1 menunjukkan kadar vaksinasi dan kadar kematian disebabkan oleh COVID-19 di Asia Tenggara yang dilaporkan oleh Center for Strategic & International Studies (2022). Malaysia merupakan negara keempat tertinggi dalam kalangan negara-negara Asia Tenggara dengan 82.3 peratus daripada jumlah populasi rakyatnya telah divaksin pada Januari 2022. Di samping itu, Malaysia merupakan negara yang mencatatkan kadar kematian tertinggi bagi kes COVID-19 dengan kadar 1016.76 peratus berbanding negara-negara lain di Asia Tenggara.

Jadual 1: Kadar Vaksinasi COVID-19 dan Kematian Disebabkan Oleh COVID-19 Negara-Negara Asia Tenggara

Negara	Jumlah Divaksin Sepenuhnya	Kadar Divaksin Sepenuhnya (%)	Kedudukan	Kadar Kematian (%)	Kedudukan
Brunei	401,757	93.7	1	228.65	7
Cambodia	13,720,419	85.7	2	188.32	8
Indonesia	116,819,952	43.6	9	546.02	2
Lao PDR	3,643,020	49.5	8	67.66	11
Malaysia	25,684,153	82.3	4	1016.76	1
Myanmar	16,593,440	31.1	11	361.57	5
Filipina	56,027,759	53.4	7	500.58	3
Singapura	4,731,934	84.3	3	149.32	9
Thailand	47,579,865	68.6	6	315.12	6
Vietnam	68,435,813	71.6	5	364.11	4
Timor-Leste	551,194	41.1	10	92.56	10

Jadual 2 menunjukkan indeks pemulihan daripada COVID-19 bagi negara-negara di Asia Tenggara berdasarkan Global Infection Trend yang dilaporkan oleh PEMANDU (2022). Malaysia menduduki tempat kedua tertinggi di Asia Tenggara dan keenam tertinggi di peringkat dunia dalam indeks pemulihan daripada COVID-19. Ini menunjukkan keberkesanan dan kecekapan pihak kerajaan dengan kerjasama semua pihak dalam membendung wabak COVID-19.

Jadual 2: Indeks Pemulihan Daripada COVID-19 Negara-Negara Asia Tenggara

Negara	Kedudukan di Dunia	Kedudukan di Asia Tenggara	Indeks Pemulihan	Penilaian Pemulihan
Brunei	15	4	78.53	4
Cambodia	14	3	79.56	4
Indonesia	49	10	65.69	3
Lao PDR	139	11	49.14	2
Malaysia	6	2	85.13	5
Myanmar	29	7	71.96	4
Filipina	42	9	67.53	3
Singapura	4	1	88.63	5
Thailand	18	5	76.77	4
Vietnam	25	6	73.45	4
Timor-Leste	31	8	71.52	4

Jadual 3 menunjukkan rakyat Malaysia telah diterima untuk memasuki kebanyakan negara Asia Tenggara yang mempunyai indeks pemulihan COVID-19 yang baik seperti Cambodia, Indonesia, Singapura, Thailand, dan Timor-Leste, begitu juga dengan negara-negara ekonomi besar dunia seperti Amerika Syarikat dan United Kingdom (International Destinations Open to Travelers from Malaysia, 2022). Penerimaan masuk rakyat Malaysia ke dalam negara-negara ini menunjukkan kepercayaan dan pengiktirafan negara-negara luar terhadap kejayaan model pengurusan pandemik COVID-19 Malaysia.

Jadual 3: Negara-Negara Yang Menerima Kemasukan Rakyat Malaysia

Negara	Status Penerimaan Kemasukan Rakyat Malaysia
Brunei	Tidak
Cambodia	Ya
Indonesia	Ya
Lao PDR	Tidak
Myanmar	Tidak
Filipina	Tidak
Singapura	Ya
Thailand	Ya
Vietnam	Tidak
Timor-Leste	Ya
China	Tidak
Amerika Syarikat	Ya
United Kingdom	Ya
Jepun	Tidak

2.2 Pengurusan krisis ekonomi semasa pandemik COVID-19

Pihak kerajaan telah berusaha membendung krisis ekonomi ekoran pandemik COVID-19 melalui pelbagai pakej ekonomi seperti Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA). Jadual 4 menunjukkan perbandingan saiz pakej rangsangan ekonomi COVID-19 negara-negara di Asia Tenggara berdasarkan data yang diperolehi dari Organization for Economic Co-operation and Development (OECD) (2022). Malaysia merupakan

negara kedua tertinggi dalam peruntukan pakej rangsangan ekonomi semasa pandemik COVID-19 dalam kalangan negara-negara Asia Tenggara.

Jadual 4: *Pakej Rangsangan Ekonomi COVID-19 Negara-Negara Asia Tenggara*

Negara	Jumlah Pakej Rangsangan (USD billion)	Saiz Populasi	Pakej Rangsangan Per Kapita (USD '000)	Kedudukan
Brunei	0.319	428,607	0.744	5
Cambodia	2.1	16,010,000	0.131	8
Indonesia	118.242	268,000,000	0.441	6
Lao PDR	0.005	7,364,903	0.000678	10
Malaysia	80.3	31,200,000	2.57	2
Myanmar	0.101	53,370,000	0.00189	9
Filipina	119.227	104,900,000	1.13	4
Singapura	65	5,612,000	11.5	1
Thailand	93.33	69,400,000	1.34	3
Vietnam	28.7	95,540,000	0.30	7
Timor-Leste	-	1,339,862	-	-

Pakej-pakej ekonomi ini berjaya mengurangkan impak negatif yang ketara dan berlanjutan kepada ekonomi negara (Izhar, Abd Rahman, & Aziz, 2021). Selain itu, koordinasi polisi-polisi fiskal, kewangan dan monetari yang komprehensif dan tepat pada masanya membantu Malaysia bertahan dan pulih daripada krisis ekonomi yang dicituskan oleh pandemik COVID-19 (Md Azmi et. al., 2021). Trading Economics (2022) menunjukkan penilaian kredit yang baik daripada institusi-institusi kewangan antarabangsa yang meletakkan Malaysia di tempat kedua dalam kalangan negara-negara di Asia Tenggara seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5 membuktikan pengiktirafan antarabangsa terhadap kejayaan Malaysia menguruskan krisis ekonomi sewaktu pandemik COVID-19. Ahli akademik Amerika Syarikat juga menyatakan bahawa Amerika Syarikat boleh mencontohi pengurusan pandemik Malaysia yang berkesan dalam mengekang penularan wabak COVID-19 (Rahim, 2020).

Jadual 5: *Penilaian Kredit Negara-Negara Asia Tenggara*

Negara	S & P	Moody's	Fitch	TE	Status	Kedudukan
Cambodia	N/A	B2	-	30	Sangat spekulatif	7
Indonesia	BBB ↑	Baa2	BBB	60	Gred sederhana rendah	5
Lao PDR	-	Caa2 ↓	CCC	20	Risiko yang besar	8
Malaysia	A- ↓	A3	BBB +	70	Gred sederhana atas	2
Filipina	BBB +	Baa2	BBB ↓	61	Gred sederhana rendah	4
Singapura	AAA	Aaa	AAA	98	Perdana	1
Thailand	BBB +	Baa1	BBB +	65	Gred sederhana rendah	3
Vietnam	BB ↑	Ba3 ↑	BB ↑	43	Spekulatif	6

3.0 Bantuan Kemanusiaan Malaysia ke Negara-negara Lain Sepanjang Pandemik COVID-19

Malaysia merupakan antara enam negara di Asia Tenggara yang berhasrat untuk terlibat dalam usaha penghasilan dan pembuatan vaksin seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 6. Selain Malaysia, Thailand, Indonesia dan Vietnam juga ingin menjadi hab penghasilan vaksin secara besar-besaran di Asia Tenggara (AstraZeneca, 2022; The Star, 2021; MIDA, 2022). Inisiatif untuk menjadi hab pengeluar vaksin menunjukkan bahawa sesebuah negara itu bersedia untuk terlibat secara aktif dalam memberikan bantuan kesihatan dalam usaha mewujudkan satu komuniti serantau yang lebih selamat.

Kesemua negara ini telah menjalinkan kerjasama dengan syarikat-syarikat pembuat vaksin bagi mencapai hasrat ini tetapi Thailand lebih terkehadapan dengan keupayaan teknologi pembuatan vaksin COVID-19 tempatan (Tan, 2022). Kementerian Luar Negeri Indonesia (2021) pula telah mengumumkan bahawa Indonesia telah mendapat persetujuan China untuk bekerjasama membangunkan hab penghasilan vaksin terbesar di Asia Tenggara pada 10 Mac 2021 sementara Malaysia masih berada di peringkat awal pembuatan vaksin.

Jadual 6: *Inisiatif Menjadi Pengeluar Vaksin COVID-19 Oleh Negara-Negara Asia Tenggara*

Negara	Status	Perkongsian Teknologi	Teknologi Tempatan
Brunei	Tiada	-	-
Cambodia	Tiada	-	-
Indonesia	Ada	China (Bio Farma-Sinovac)	-
Lao PDR	Tiada	-	-
Malaysia	Ada	China (Pharmaniaga LifeScience-Sinovac)	-
		China (Solutions Biologics-CanSino Bio)	-
Myanmar	Ada	China (Myanmar Pharmaceutical Enterprise-Sinopharm China National Biotech Group)	-
Filipina	Tiada	-	-
Singapura	Ada	German (BioNTech)	-
Thailand	Ada	Britain (Siam Bioscience-AstraZeneca)	Baiya Phytopharm
Vietnam	Ada	(VABIOTECH- Nano Covax, COVIVAC, ARCT-154, HIPRA, Sputnik V, Shionogi)	-
Timor-Leste	Tiada	-	-

Tinjauan terhadap laporan media menunjukkan bahawa Malaysia lebih terkehadapan dalam memberikan bantuan kemanusiaan kepada negara-negara lain sepanjang pandemik COVID-19. Malaysia telah memberikan bantuan kemanusiaan kepada 4 buah negara serantau dan 5 buah negara luar (Khir, 2021; Kementerian Luar Negeri, 2022; Birruntha, 2021). Manakala, Singapura telah memberikan bantuan kemanusiaan kepada 7 buah negara serantau. Thailand pula telah memberikan bantuan kemanusiaan kepada 4 buah negara serantau. Brunei telah memberikan bantuan kemanusiaan kepada 2 buah negara serantau manakala Vietnam dan Brunei masing-masing memberikan bantuan kemanusiaan kepada sebuah negara serantau. Ini menunjukkan Malaysia prihatin dan proaktif membantu negara-negara lain bukan sahaja di dalam malah di luar rantau Asia Tenggara.

4.0 Hubungan Bilateral Malaysia dan Negara-negara Kuasa Besar Dunia Sepanjang Pandemi COVID-19

4.1 Sumbangan Vaksin COVID-19 Negara-negara Kuasa Besar Dunia kepada Malaysia

Jadual 7 menunjukkan sumbangan vaksin COVID-19 daripada negara-negara kuasa besar dunia kepada Malaysia setakat Januari 2022 berdasarkan data dari UNICEF Supply Division (2022). Amerika Syarikat (AS) merupakan penyumbang terbesar vaksin COVID-19 kepada Malaysia iaitu sebanyak 55.24% daripada jumlah keseluruhan dos vaksin COVID-19 Malaysia. China pula di tempat kedua (28.98%) diikuti oleh United Kingdom (UK) dan Jepun. Sumbangan vaksin ini telah menampung 92.11% bekalan vaksin COVID-19 Malaysia setakat Januari 2022.

Jadual 7: Sumbangan Vaksin COVID-19 Negara-negara Kuasa Besar Dunia kepada Malaysia

Negara	Pembuat Vaksin	Jumlah Dos (Juta)	Peratusan Dos (%)	Jumlah Keseluruhan Dos Vaksin Malaysia (Juta)
Amerika Syarikat	Pfizer BioNTech	44.8	55.24	81.1
China	Sinovac	20.0	24.66	
	CanSino Biologicals	3.5	4.32	
United Kingdom	AstraZeneca	5.4	6.66	
Jepun	AstraZeneca	1.0	1.23	
Jumlah Keseluruhan		74.7	92.11	

4.2 Hubungan Ekonomi antara Malaysia dan Negara-negara Kuasa Besar Dunia Sebelum dan Semasa Pandemi COVID-19

Pelaburan asing langsung (FDI) merupakan salah satu sumber utama bagi pertumbuhan ekonomi Malaysia. FDI mempunyai hubungan langsung yang positif ke atas keluaran dalam negara kasar (KDNK) Malaysia (Shaari, Thien & Shukeri, 2012; Mustafa et al., 2021). Laporan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM, 2022) menunjukkan bahawa AS, UK, Jepun dan China merupakan sumber pelaburan asing langsung (FDI) yang utama di Malaysia (DOSM, 2022). AS, China dan Jepun juga merupakan rakan dagang utama Malaysia selain negara-negara ASEAN (MITI, 2022). Pergantungan ekonomi Malaysia kepada FDI dan perdagangan dengan negara-negara kuasa besar dunia menyebabkan ekonomi Malaysia lebih rentan terhadap krisis ekonomi dunia yang timbul akibat pandemik COVID-19.

Jadual 8 menunjukkan data jumlah FDI dari China, AS, UK dan Jepun di Malaysia dari tahun 2017 hingga 2020 yang dilaporkan oleh Kementerian Kewangan (2021). Jumlah FDI dari AS ke Malaysia meningkat dari tahun 2017 ke 2018 tetapi menurun pada tahun 2019 dan 2020. Jumlah FDI dari UK pula menurun dari tahun 2017 hingga 2020 manakala jumlah FDI dari Jepun meningkat dari tahun 2017 hingga 2019 tetapi berkurang pada tahun 2020. Jumlah FDI dari China pula berkurang dari tahun 2017 hingga 2019 kemudian meningkat pada tahun 2020.

Jadual 8: Jumlah pelaburan langsung asing (RM juta) negara-negara kuasa besar dunia di Malaysia (2017-2020)

Tahun	China	Amerika Syarikat	United Kingdom	Jepun
2017	6,886	-4,885	5,042	5,059
2018	715	6,530	3,429	4,864
2019	493	2,556	-3,828	10,531
2020	2,611	944	-3,257	2,202

Hubungan perdagangan antara Malaysia dan negara-negara kuasa besar dunia tetap kukuh walaupun pandemik COVID-19 telah menjejaskan perdagangan antarabangsa. Jepun merupakan rakan dagang terbesar Malaysia dengan sumbangan sebanyak 2.17% daripada keseluruhan jumlah perdagangan Malaysia pada tahun 2019 dan meningkat kepada 2.32% pada tahun 2020 sehingga mencecah 2.36% pada tahun 2021. Jadual 9 menunjukkan trend peningkatan perdagangan Malaysia-Jepun berdasarkan peratus perdagangan Malaysia-Jepun berbanding keseluruhan jumlah perdagangan Malaysia walaupun jumlah nilai dagangan mencatatkan penurunan.

Jadual 9: Nilai Eksport, Import, Dan Jumlah Dagangan Malaysia Dengan Jepun

Tahun	Eksport (RM Juta)	Import (RM Juta)	Jumlah Dagangan (RM Juta)	Peratusan Jumlah Dagangan (%)
2017	75,597	63,611	139,208	-
2018	70,385	63,858	134,242	2.16
2019	65,998	63,594	129,592	2.17
2020	62,561	61,581	124,142	2.32
2021	49,187	48,275	97,462	2.36

Jadual 10 menunjukkan trend peningkatan bagi jumlah eksport, import dan dagangan Malaysia dengan China dari tahun 2017 hingga tahun 2020. Tahun 2021 menyaksikan sedikit penurunan jumlah dagangan tetapi China masih kekal sebagai salah satu rakan dagang utama Malaysia dengan sumbangan sebanyak 1.66% untuk keseluruhan jumlah perdagangan Malaysia pada tahun 2021 berbanding 1.7% pada tahun sebelumnya.

Jadual 10: Nilai Eksport, Import, Dan Jumlah Dagangan Malaysia Dan China

Tahun	Eksport (RM Juta)	Import (RM Juta)	Jumlah Dagangan (RM Juta)	Peratusan Jumlah Dagangan (%)
2017	125,957	164,445	290,402	-
2018	139,147	175,417	314,564	1.63
2019	140,931	175,667	316,598	1.65
2020	159,223	172,217	331,440	1.70
2021	118,482	147,164	265,646	1.66

Jadual 11 menunjukkan aktiviti perdagangan Malaysia-AS memiliki trend yang sama dengan aktiviti perdagangan Malaysia-China dari tahun 2017 hingga 2021. Walaupun jumlah dagangan berkurang akibat pandemik, sumbangan perdagangan AS semakin meningkat daripada 0.94% pada tahun 2019 kepada 1.11% pada tahun 2020 hingga mencecah 1.26% pada tahun 2021.

Jadual 11: Nilai Eksport, Import, Dan Jumlah Dagangan Malaysia Dengan Amerika Syarikat

Tahun	Eksport (RM Juta)	Import (RM Juta)	Jumlah Dagangan (RM Juta)	Peratusan Jumlah Dagangan (%)
2017	88,680	65,275	153,955	-
2018	90,811	64,947	155,758	0.87
2019	96,542	68,678	165,220	0.94
2020	109,080	69,705	178,785	1.11
2021	89,946	47,628	137,574	1.26

Jadual 12 menunjukkan bahawa pandemik COVID-19 telah menyumbang kepada kemerosotan aktiviti perdagangan Malaysia-UK yang telah mula menurun sejak tahun 2018. Jumlah dagangan UK hanya menyumbang sekitar 0.1% kepada keseluruhan jumlah perdagangan Malaysia.

Jadual 12: Nilai Eksport, Import, Dan Jumlah Dagangan Malaysia Dengan United Kingdom

Tahun	Eksport (RM Juta)	Import (RM Juta)	Jumlah Dagangan (RM Juta)	Peratusan Jumlah Dagangan (%)
2017	933,961.80	831,999.08	102,380.60	-
2018	1,024,223.88	915,157.20	109,066.68	0.08
2019	991,629.24	870,861.92	120,349.44	0.10
2020	865,011.60	766,391.92	98,619.68	0.08
2021	-	-	-	-

4.3 Hubungan Pelancongan dan Pendidikan antara Malaysia dan Negara-negara Kuasa Besar Dunia Sebelum dan Semasa Pandemik COVID-19

Pandemik COVID-19 telah memberi kesan yang besar kepada sektor pelancongan antarabangsa berikutan penutupan sempadan negara bagi membendung penularan wabak tersebut. Bagaimanapun, Malaysia masih menerima kemasukan pelancong dari China, AS, UK dan Jepun pada tahun 2020 seperti yang dilaporkan dalam Akaun Satelit Pelancongan yang diterbitkan oleh DOSM (2022). Jadual 13 menunjukkan kemasukan pelancong dari negara-negara ini telah berkurang semasa pandemik sedangkan sebelum pandemik memaparkan trend peningkatan pelancong dari negara-negara ini.

Jadual 13: Jumlah kemasukan pelancong asing dari negara-negara kuasa besar dunia ke Malaysia

Tahun	China	Amerika Syarikat	United Kingdom	Jepun
2017	2,281,666	265,259	358,818	392,777
2018	2,944,133	338,089	361,335	394,540
2019	3,114,257	357,496	346,485	424,694
2020	405,149	48,810	63,868	74,383

Program Malaysia My Second Home telah dibekukan pada tahun 2020 sehingga 2021 disebabkan oleh pandemik COVID-19. Berdasarkan data daripada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (2022), peserta dari China merupakan kumpulan peserta terbesar iaitu sebanyak 32.8% daripada jumlah peserta program ini seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 14. Jepun pula mencatatkan penyertaan sebanyak 10.6% sedangkan peserta UK hanya sebanyak 6%. Manakala peratusan peserta daripada AS tidak dapat dikenal pasti.

Jadual 14: Peserta Malaysia My Second Home dari negara-negara kuasa besar dunia

Tahun	China	Amerika Syarikat	United Kingdom	Jepun
2002	241	-	108	49
2003	521	-	159	99
2004	468	-	210	42
2005	502	-	199	87
2006	242	-	209	157
2007	90	-	240	198
2008	120	-	208	210
2009	114	-	162	169
2010	154	-	141	195
2011	405	-	153	423
2012	731	-	139	816
2013	1337	-	148	739
2014	1307	-	117	428
2015	719	-	83	300
2016	1,512	-	110	281
2017	2,923	-	200	352

2018	2,666	-	188	378
2019	1,831	-	118	227
Jumlah	15,883	-	2892	5150
Peratus	32.8	-	6	10.6

Pandemik COVID-19 tidak menghalang kemasukan pelajar asing ke Malaysia malah Jadual 15 menunjukkan peningkatan kemasukan pelajar dari China ke Malaysia semasa pandemik berlaku berdasarkan Statistik Pendidikan Tinggi yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (2022). Jumlah kemasukan pelajar dari AS, UK dan Jepun ke Malaysia tidak dapat dikenal pasti dengan lebih terperinci sebelum pandemik tercetus tetapi data menunjukkan terdapat sebilangan kecil pelajar dari negara-negara maju ini yang memilih untuk melanjutkan pengajian di Malaysia pada tahun 2020.

Jadual 15: Jumlah pelajar dari negara-negara kuasa besar dunia di Malaysia

Tahun	China	Amerika Syarikat	United Kingdom	Jepun
2017	3,047	-	-	-
2018	2,527	-	-	-
2019	4,129	-	-	452
2020	4,226	67	58	388

Statistik Pendidikan Tinggi juga menunjukkan bilangan pelajar Malaysia di negara-negara kuasa besar dunia lebih besar daripada bilangan pelajar dari negara-negara tersebut di Malaysia. Jadual 16 menunjukkan AS dan UK merupakan destinasi pilihan utama pelajar Malaysia berbanding China dan Jepun. Terdapat peningkatan pelajar Malaysia di AS dan China semasa pandemik walaupun pelajar Malaysia di UK dan Jepun telah berkurang dalam tempoh yang sama.

Jadual 16: Jumlah pelajar Malaysia di negara-negara kuasa besar dunia

Tahun	China	Amerika Syarikat	United Kingdom	Jepun
2017	6,880	8,406	19,689	1,098
2018	7,948	1,409	17,776	1,112
2019	2,232	715	19,341	1,111
2020	4,773	6,910	5,265	279

4.4 Pencerobohan China di Laut China Selatan Sebelum dan Semasa Pandemik COVID-19

Laporan Tahunan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia 2020 (APMM, 2020) menunjukkan China masih aktif penceroboh perairan Malaysia semasa pandemik COVID-19. Pada tahun 2016, sebanyak 19 kes pencerobohan kapal penguatkuasaan China direkodkan kemudian meningkat kepada 25 dan 26 kes pada tahun 2017 dan 2018. Tahun 2019 dan 2020 mencatatkan sebanyak 19 dan 16 kes pencerobohan China di Laut China Selatan.

Sebagai tindak balas kepada pencerobohan yang dilakukan, kerajaan Malaysia telah mengeluarkan satu nota bantahan daripada Kementerian Luar Negeri terhadap kerajaan China pada tahun 2017 diikuti dengan lima nota bantahan pada tahun 2018 dan 2019 (Kementerian Luar Negeri, 2022). Kerajaan Malaysia juga telah membuat kenyataan rasmi berkenaan pendirian kerajaan terhadap pertikaian kawasan perairan Laut China Selatan pada 23 April 2020. Kemudian, kerajaan Malaysia memberikan nota verbal kepada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UN) mengenai pendirian kerajaan terhadap konflik tersebut pada 29 Julai 2020 (UN, 2020). Pada tahun 2021, kerajaan telah mengeluarkan satu nota bantahan terhadap kerajaan China berikutan dengan pencerobohan yang dilakukan.

5.0 Penglibatan Malaysia dalam COVAX Alliance

Inisiatif COVID-19 Vaccine Global Access atau lebih dikenali sebagai COVAX Alliance merupakan kolaborasi antara Global Alliance for Vaccines and Immunisation (GAVI), Coalition for Epidemic Preparedness Innovations (CEPI) dan World Health Organization (WHO) bagi mempercepat penghasilan vaksin COVID-19 dan menjamin setiap negara mempunyai akses yang saksama kepada vaksin COVID-19.

Penyertaan Malaysia dalam COVAX tidak menunjukkan perolehan dos vaksin yang memberangsangkan berdasarkan data dari UNICEF Supply Division (2022) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 17. Malaysia hanya mendapat 1,387,200 dos vaksin daripada 1,840,800 dos vaksin yang telah diperuntukkan oleh COVAX kepada Malaysia, walaupun Malaysia menyertai COVAX sebagai peserta pembiayaan sendiri. Jumlah tersebut hanya merangkumi 2.22% populasi Malaysia. Secara keseluruhannya, daripada 10 negara Asia Tenggara yang bersetuju untuk mendapatkan vaksin COVID-19 melalui COVAX, Malaysia berada pada kedudukan yang kesembilan, selepas Singapura pada kedudukan yang kelapan dan Brunei pada kedudukan yang ketujuh.

Malaysia tidak berjaya mendapat kesemua vaksin yang telah diperuntukkan oleh COVAX kepada Malaysia walaupun Malaysia merupakan peserta pembiayaan persendirian. Kelewatan ini berlaku kerana terdapat beberapa faktor yang dihadapi sendiri oleh COVAX dalam proses pelaksanaan pemberian vaksin kepada negara-negara yang menyertainya. Antara faktor tersebut adalah peserta dalam kalangan negara utama dunia melakukan inisiatif unilateral dengan pembuat vaksin secara terus, kekurangan dana untuk pelaksanaan, kelewatan negara-negara yang berjanji untuk menjadi pemberi dana dalam memberikan dana (Ducharme, 2021). Keadaan ini menyebabkan inisiatif COVAX terganggu dan pelaksanaannya tidak berjaya pada tahap optimum.

Faktor-faktor tersebut telah menyebabkan negara berpendapatan rendah dan sederhana yang menyertai COVAX, termasuk Malaysia tidak mendapat jumlah vaksin yang dipersetujui dengan kadar segera. Yang Berhormat Khairy Jamaluddin Abu Bakar, Bekas Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi merangkap Menteri Penyelaras Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan pada ketika itu, telah menyatakan kekecewaan terhadap ketidak samarataan pemberian vaksin global di bawah program perkongsian vaksin COVAX yang disokong Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu kerana kegagalan membekalkan vaksin kepada negara membangun dengan kadar segera (COVAX An 'Abysmal Failure', 23 Jun 2021).

Jadual 17: Kadar Vaksin Yang Diperoleh Daripada COVAX Oleh Negara-Negara Asia Tenggara

Negara	Status Penyertaan	Dos yang Diperuntukkan	Dos Dipesan	Dos Dihantar	Populasi
Brunei	Pembiayaan Sendiri	100,800	100,800	100,800	428,607
Cambodia	Komitmen Pasaran Maju	3,926,960	3,926,960	3,926,960	16,010,000
Indonesia	Komitmen Pasaran Maju	178,105,500	100,786,430	87,760,210	268,000,000
Lao PDR	Komitmen Pasaran Maju	6,557,880	5,088,150	5,088,150	7,364,903
Malaysia	Pembiayaan Sendiri	1,840,800	1,387,200	1,387,200	31,200,000
Myanmar	Komitmen Pasaran Maju	12,252,600	2,242,800	0	53,370,000
Filipina	Komitmen Pasaran Maju	69,869,275	69,160,490	65,724,100	104,900,000
Singapura	Pembiayaan Sendiri	938,400	938,400	938,400	5,612,000
Thailand	-	0	0	0	69,400,000

Vietnam	Komitmen Pasaran Maju	68,341,910	59,677,100	49,606,820	95,540,000
Timor-Leste	Komitmen Pasaran Maju	587,640	393,420	393,420	1,339,862

6.0 Kesimpulan

Kajian ini mendapati pandemik COVID-19 telah membuka peluang untuk Malaysia meningkatkan kepimpinannya di rantau Asia Tenggara dengan menunjukkan contoh model pengurusan pandemik yang baik. Cita-cita menjadi hab pengeluaran vaksin bagi rantau ini serta inisiatif penghantaran bantuan kemanusiaan ke negara-negara lain juga menyumbang kepada peningkatan pengaruh dan reputasi Malaysia.

Bagaimanapun, penglibatan Malaysia dalam COVAX Alliance tidak memberikan kesan positif kepada kepimpinan Malaysia. Pandemik COVID-19 juga meningkatkan risiko kebergantungan atau keterikatan Malaysia dengan negara kuasa-kuasa besar dunia melalui pergantungan bekalan vaksin serta hubungan ekonomi, pelancongan dan pendidikan. Malaysia dilihat masih berlembut dan tidak mengambil tindakan tegas terhadap pencerobohan China ke atas sempadan negara.

Malaysia mempunyai potensi untuk meningkatkan reputasi dan kepimpinan sebagai sebuah negara yang kuat, maju dan berdaulat serta bertanggungjawab terhadap komuniti antarabangsa. Pada masa yang sama, Malaysia perlu mengatasi beberapa cabaran besar seperti keupayaan teknologi dan kemandirian ekonomi supaya boleh memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada keselamatan, kesihatan dan kemakmuran sejagat.

7.0 Penghargaan

Kajian ini dilaksanakan di bawah Geran Kajian Strategik Impak Pandemik COVID-19 (GKS/03/2021) IRIS Institute.

Rujukan

- Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM). (2020). Laporan Tahunan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) 2020.
- AstraZeneca (2022, Januari 22). AstraZeneca commences new COVID-19 vaccine supply chain in AstraZeneca. <https://www.astrazeneca.com/country-sites/thailand/press-release/astrazeneca-commences-new-covid-19-vaccine-supply-chain-in-thailand.html>
- Birruntha, S. (2021, Oktober 15). *Malaysia contributes RM5m for Palestine to rebuild Al-Rimal clinic in Gaza*. The Malaysian Reserve. <https://themalaysianreserve.com/2021/10/15/malaysia-contributes-rm5m-for-palestine-to-rebuild-al-rimal-clinic-in-gaza/>
- Center for Strategic & International Studies. (2022). Southeast Asia Covid-19 Tracker. <https://www.csis.org/programs/southeast-asia-program/southeast-asia-covid-19-tracker>
- CodeBlue. (2021, June 24). *COVAX an 'abysmal failure', Khairy tells World Bank*. <https://codeblue.galencentre.org/2021/06/23/covax-an-abysmal-failure-khairy-tells-world-bank/>
- Ducharme, J. (2021). *COVAX Was a Great Idea, But Is Now 500 Million Doses Short of Its Vaccine Distribution Goals. What Exactly Went Wrong?* TIME. <https://time.com/6096172/covax-vaccines-what-went-wrong/>
- International Destinations Open to Travelers from Malaysia. Air Heart. <https://airheart.com/travel-bans/from/malaysia>

- Izhar, M. F., Abd Rahman, I. H., & Aziz, A. (2021). Pandemik Covid-19: pendekatan kerajaan Malaysia dalam mengurus keselamatan negara. *International Journal of Law, Government And Communication*, 6(26), 23-38.
- Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). (2022). [Akaun Satelit Pelancongan 2021](#)
- Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). (2022). [Statistik Pelaburan Langsung Asing di Malaysia, 2021](#).
- Kementerian Kewangan. (2023). [Tinjauan ekonomi 2022: jadual perangkaan](#).
- Kementerian Luar Negeri (2022). [Kenyataan Media](#).
- Kementerian Luar Negeri Indonesia.(2021, Mac 10). The People's Republic of China is Ready to Support Indonesia to Become Vaccine Hub of the Southeast Asian Region. [The People's Republic of China is Ready to Support Indonesia to Become Vaccine Hub of the Southeast Asian Region \(kemlu.go.id\)](#)
- Kementerian Luar Negeri. (2022). Handing Over Of Covid-19 Humanitarian Contribution. Kementerian Luar Negeri. <https://www.kln.gov.my/web/guest/-/handing-over-of-covid-19-humanitarian-contribution-from-the-government-of-malaysia-to-the-republic-of-indonesia-15-september-2021>
- Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI). (2022). [Malaysia External Trade Statistics: Trade Performance for Year 2021 and December 2021](#).
- Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya. (2022). [Statistik MM2H](#).
- Kementerian Pengajian Tinggi (2022). Statistik Pengajian Tinggi 2017-2021.
- Khair, E. (2021, Ogos 4). COVID-19: United Sikhs Malaysia, MAG, MAskargo hulur 50 alat pernafasan buat Indonesia. Astro Awani. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid-19-united-sikhs-malaysia-mag-maskargo-hulur-50-alat-bantuan-pernafasan-buat-indonesia-312037>
- Malaysian Investment Development Authority (MIDA). (2022). [Make Malaysia Your Global Vaccine Manufacturing Hub](#)
- Md Azmi, F. A., Zainudin, A. Z., Md Yunus, N., Jaafar, M. N., Wan Ismail, W. I. F., & Amdan, M. A. (2021). Towards Stabilizing the Economic Impact of COVID-19 Through Fiscal Policy in Malaysia. *Geopolitics Quarterly*, 17 (Special Issue), 90-107.
- Mustafa, T., Mohd Hassan, N., Nik Hassan, N. S., Mohd Isyak @ Zainudin, F. (2021). The effect of FDI towards GDP growth in Malaysia. *e-Proceedings of International Conference on Language, Education, Humanities & Social Sciences (i-LEdHS2021)*
- Organization for Economic Co-operation and Development (OECD). (2022). COVID-19 crisis response in ASEAN Member States. Organization for Economic Co-operation and Development. <https://www.oecd.org/coronavirus/policy-responses/covid-19-crisis-response-in-asean-member-states-02f828a2/>
- PEMANDU (2022). Global Infection Trend - Full GCI Ranking. <https://covid19.pemandu.org/gci-ranking/>
- Rahim, R. (2020, Mac 23). Covid-19: Malaysia's response can be a lesson to US, says American assoc prof. The Star. [Covid-19: Malaysia's response can be a lesson to US, says American assoc prof | The Star](#)
- Shaari, M. S., Thien, H. H., & Shukeri, S. N. (2012). Foreign Direct Investment and Economic Growth: Evidence from Malaysia. *International Business Research*, 5 (10).
- Tan, C. (2022, Januari 17). *Thailand's Baiya Phytopharm working on plant-based Covid vaccine*. CNBC. <https://www.cnbc.com/2022/01/17/thailands-baiya-phytopharm-working-on-plant-based-covid-vaccine.html>

The Star. (2021, November 28). *Vietnam says Pfizer and MSD to grant its firms licenses to produce*. <https://www.thestar.com.my/aseanplus/aseanplus-news/2021/11/28/vietnam-says-pfizer-and-msd-to-grant-its-firms-licenses-to-produce-covid-19-pills>

The United Nations (UN). (2020). HA 26/20 The Permanent Mission of Malaysia to the United Nations. https://www.un.org/Depts/los/clcs_new/submissions_files/mys_12_12_2019/2020_07_29_MY_S_NV_UN_002_OLA-2020-00373.pdf

Trading Economics. (2022). [Credit Rating: Countries List](#).

UNICEF Supply Division. (2022). [COVID-19 Vaccine Market Dashboard](#).